



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN : PENERBANGAN DOMESTIK

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

30 Mei 2024

Penerbitan

Tarikh: 30 Mei 2024.

Panduan Penerbangan Domestik pada 9 September 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Penerbangan Domestik yang dikemaskini pada 30 Mei 2024.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	1
OPERASI UMUM INDUSTRI	1
Gambaran Keseluruhan Industri Penerbangan	1
PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN	2
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN	2
Penerbangan Antarabangsa	2
Penerbangan Domestik	3
<i>Rural Air Services (RAS)</i>	5
Perkhidmatan Sampingan	8
Penalti	10
Perkhidmatan Lain Oleh Syarikat Penerbangan	11
Pembekal Sama (Syarikat Penerbangan Asing Atau Tempatan)	13
Perkhidmatan Yang Berkaitan Dengan Penerbangan Domestik	14
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	14
SOALAN-SOALAN LAZIM	15
PERTANYAAN	18
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	18

PENGENALAN

1. Cukai perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk membantu dalam memahami cukai perkhidmatan yang berkaitan dengan penerbangan domestik.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

5. Mulai 1 September 2018, di bawah Kumpulan I, Butiran 11, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, penyediaan penerbangan domestik di bawah keadaan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

OPERASI UMUM INDUSTRI

Gambaran Keseluruhan Industri Penerbangan

6. Perkhidmatan penerbangan termasuk perkhidmatan berikut:
 - (i) Pengangkut penumpang, pos atau kargo untuk sewa atau ganjaran melalui udara atau dengan menggunakan mana-mana pesawat antara dua atau lebih tempat, yang mana sekurang-kurangnya satu tempat berada di Malaysia;
 - (ii) Penyediaan apa-apa perkhidmatan pengendalian darat (*ground handling*) di Malaysia; dan

- (iii) Pengendalian suatu aerodrome di Malaysia untuk pelepasan dan pendaratan apa-apa pesawat yang terlibat dalam pengangkutan penumpang, pos atau kargo untuk sewa atau ganjaran.

7. Perkhidmatan pengangkutan udara ditakrifkan sebagai perkhidmatan udara komersial yang dikendalikan untuk tujuan mengangkut orang, barangan peribadi, bagasi, barang atau kargo dalam pesawat antara dua tempat. Perkhidmatan pengangkutan udara perlu mengendalikan sekurang-kurangnya satu pesawat yang boleh dimiliki, disewakan atau disewa untuk tujuan ini.

8. Cukai perkhidmatan terpakai berhubung dengan perkhidmatan penerbangan penumpang domestik.

9. Terdapat pelbagai entiti yang terlibat dalam industri penerbangan termasuk agensi / badan kerajaan seperti MAVCOM dan CAAM (Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia).

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

10. Penyediaan penerbangan domestik yang merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal pengangkutan penumpang udara yang merupakan orang yang terdaftar, nilai dari perkhidmatan yang dikenakan cukai untuk mengenakan cukai perkhidmatan adalah jumlah harga yang dikenakan ditolak caj perkhidmatan penumpang (PSC) dan fi MAVCOM.

11. Cukai perkhidmatan bagi tiket penerbangan domestik akan dikenakan ketika jualan tiket. Untuk apa-apa pembelian semasa dalam penerbangan, cukai perkhidmatan akan dikenakan di atas kapal. Sewaan atau pajakan pesawat udara bagi kegunaan membawa penumpang domestik juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

Penerbangan Antarabangsa

12. Penerbangan penumpang antarabangsa adalah penyediaan perkhidmatan

pengangkutan udara penumpang:

- (i) Dari tempat di luar Malaysia ke tempat di luar Malaysia;
- (ii) Dari tempat di Malaysia ke tempat di luar Malaysia;
- (iii) Dari tempat di luar Malaysia ke tempat di Malaysia;

13. Penyediaan perkhidmatan penerbangan antarabangsa bagi penumpang tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan tambahan yang berkaitan dengan penerbangan antarabangsa juga tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 1

Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari Air Asia (AA) Berhad untuk penerbangan dari KLIA ke London. Tiket penerbangan ini tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana ia adalah penerbangan antarabangsa.

Contoh 2

Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari Air Asia Berhad untuk laluan dari KLIA ke Paris. Semasa penerbangan, penumpang tersebut membeli makanan di dalam pesawat dan juga membayar untuk perkhidmatan wifi-on-board. Tiket penerbangan serta perkhidmatan sampingan lain yang dibayar (makanan dan perkhidmatan wifi-on-board) oleh penumpang itu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia adalah penerbangan antarabangsa.

Penerbangan Domestik

14. Penyediaan penerbangan domestik untuk penumpang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali:

- (i) Penerbangan *Rural Air Service* (RAS);
- (ii) Penerbangan diantara kawasan dalam Sabah oleh operator yang dilesenkan dibawah Seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan

Malaysia 2015; dan

- (iii) Penerbangan diantara kawasan dalam Sarawak oleh operator yang dilesenkan dibawah Seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;

15. Penerbangan di antara Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

16. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, penerbangan domestik merujuk kepada penerbangan yang berlepas dan tiba di Malaysia dan diberikan Lesen Perkhidmatan Udara di bawah Seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 ("*penerbangan berjadual*"), atau Permit Perkhidmatan Udara di bawah Seksyen 36 dari Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 ("*penerbangan tidak berjadual*"). Syarikat penerbangan akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggan untuk penerbangan domestik.

17. Penerbangan berjadual merujuk kepada perkhidmatan udara yang dijalankan mengikut jadual yang dijadualkan oleh syarikat penerbangan untuk penumpang, kargo atau mel untuk tujuan ganjaran. Syarikat penerbangan di Malaysia perlu mendapatkan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) (di bawah Seksyen 35 Akta Penerbangan Malaysia 2015) dan Sijil Pengendali Udara (AOC) sebelum mereka dibenarkan mengendalikan perkhidmatan udara berjadual.

18. Penerbangan tidak berjadual merujuk kepada perkhidmatan penerbangan yang dijalankan secara tidak berjadual oleh syarikat penerbangan untuk mengangkut penumpang, kargo dan mel melalui perkhidmatan sewa (*charter*) untuk sewa dan ganjaran.

Contoh 3

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari MAL Berhad untuk laluan dari KLIA ke Kota Bharu. Tiket penerbangan domestik tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan.***

Contoh 4

Seorang penumpang menyewa penerbangan dari Travira Air Sdn Bhd untuk laluan dari KLIA ke Kota Bharu. Penerbangan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana ia adalah penerbangan domestik.

Contoh 5

Seorang penumpang membeli satu tiket penerbangan dari MAL Berhad untuk penerbangan Kuching ke Miri. Tiket penerbangan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Contoh 6

Seorang penumpang membeli satu tiket penerbangan dari MAL Berhad untuk penerbangan dari Kota Kinabalu ke Sandakan. Tiket penerbangan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Contoh 7

Pekerja pelantar minyak menggunakan perkhidmatan helikopter dari Miri ke pelantar minyak yang terletak di Laut China Selatan (dalam Malaysia). Perkhidmatan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana operator perkhidmatan helikopter tersebut tidak berdaftar di bawah Seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Contoh 8

Seorang penumpang membeli tiket penerbangan daripada MAL Berhad untuk penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuching. Tiket penerbangan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Rural Air Services (RAS)

19. Penerbangan RAS di bawah perjanjian RAS tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun ia adalah penerbangan domestik. Di bawah cukai perkhidmatan, penerbangan RAS bukanlah perkhidmatan yang ditetapkan.

Penerbangan RAS ditakrifkan sebagai penerbangan yang dijalankan untuk perjalanan di pedalaman Sabah dan Sarawak. MASwings telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan tugas ini pada Oktober 2007 melalui Perjanjian RAS. Pada masa ini, MASwings mengendalikan 49 laluan RAS.

Contoh 9

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari MASwings (Kelas Ekonomi) untuk laluan dari Bario, Sarawak ke Ba'kelalan, Sarawak. Tiket penerbangan tersebut **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan** walaupun ia adalah penerbangan domestik kerana ia merupakan penerbangan RAS.*

Contoh 10

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari MASwings (Kelas Perniagaan) untuk laluan dari Bario, Sarawak ke Ba'kelalan, Sarawak. Tiket penerbangan **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan** walaupun ia adalah penerbangan domestik kerana ia merupakan penerbangan RAS.*

Contoh 11

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari MASwings untuk laluan dari Kuching, Sarawak ke Kota Kinabalu, Sabah. Tiket penerbangan **dikenakan cukai perkhidmatan** kerana ia adalah penerbangan domestik dan ia bukan penerbangan RAS (bukan laluan RAS).*

Contoh 12

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari AAX Airline untuk laluan dari Bario, Sarawak ke Ba'kelalan, Sarawak. Tiket penerbangan itu **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana AAX Airline tidak dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan tugas RAS melalui penandatanganan Perjanjian RAS.*

20. Penerbangan penyambungan (*connecting flight*) adalah apabila penumpang dikehendaki untuk menukar dari satu kapal terbang atau syarikat penerbangan ke kapal lain di titik perantaraan (dipanggil titik penyambung – *connecting point*) sebelum menuju destinasi mereka.

Contoh 13

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari Kota Kinabalu ke Pulau Pinang dengan penerbangan penyambungan (connecting flight) di KLIA. Tiket untuk penerbangan dari Kota Kinabalu ke Pulau Pinang adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana ia adalah penerbangan domestik.*

Contoh 14

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari KLIA ke Sandakan dengan penerbangan penyambungan (connecting flight) di Kota Kinabalu. Tiket untuk penerbangan untuk keseluruhan perjalanan dari KLIA ke Sandakan adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.*

21. Terdapat keadaan di mana penumpang membeli tiket untuk laluan gabungan (laluan domestik bukan RAS dan RAS) dengan penerbangan penyambungan (*connecting flight*). Penumpang hanya perlu membeli satu tiket untuk kedua-dua laluan. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, tiket penerbangan tersebut akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia adalah gabungan tiket penerbangan bagi laluan RAS dengan laluan domestik.

Contoh 15

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan bagi perjalanan dari Kuching ke Kudat dengan penerbangan penyambungan di Kota Kinabalu. Keseluruhan perjalanan tersebut adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana ia adalah gabungan penerbangan domestik (Kuching ke Kota Kinabalu) dan RAS (Kota Kinabalu to Kudat).*

Contoh 16

*Seorang penumpang hanya membeli satu tiket penerbangan dari KLIA ke Bario, Sarawak dengan penerbangan penyambungan (connecting flight) di Kuching, Sarawak. Tiket pesawat untuk penerbangan dari KLIA ke Bario adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana ia adalah kombinasi laluan domestik (KLIA ke Kuching) dan RAS (Kuching ke Bario).*

22. Seorang penumpang boleh membeli satu tiket penerbangan dengan penerbangan penyambungan di mana kedua-dua penerbangan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 17

*Seorang penumpang membeli satu tiket penerbangan dari Kuching ke Ba'kelalan dengan penerbangan penyambungan di Miri. Keseluruhan penerbangan tersebut adalah **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.*

23. Penerbangan dengan gabungan laluan antarabangsa dan RAS adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 18

*Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari Bario, Sarawak ke Singapura dengan penerbangan penyambungan (connecting flight) di Kuching. Penerbangan dari Bario ke Singapura **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan** kerana ia dianggap sebagai penerbangan antarabangsa.*

Perkhidmatan Sampingan

24. Perkhidmatan sampingan yang berkaitan dengan penerbangan domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan sampingan termasuk caj untuk:

- (i) Bagasi berlebihan;

- (ii) Pemilihan tempat duduk;
- (iii) Akses ke lounge;
- (iv) Makanan di atas kapal;
- (v) Surcaj bahan api;
- (vi) Basinet;
- (vii) Wifi-on-board;
- (viii) Peningkatan kelas;
- (ix) Insurans;
- (x) sewa atau pajakan pesawat udara yang berkaitan dengan penerbangan domestik
- (xi) Lain-lain caj / yuran i.e pertukaran nama, pengeluaran semula tiket, menukar laluan, pembatalan, bayaran balik dan ketidakhadiran.

Nota: Senarai di atas bukan senarai penuh.

25. Jualan barangan seperti barangan, cenderahati dan minyak wangi dalam penerbangan domestik tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan (kerana ini bukan barang yang ditetapkan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan) kecuali makanan / minuman.

Contoh 19

Seorang penumpang dalam penerbangan dari KLIA ke Kota Kinabalu membeli tuala semasa penerbangan. Dia juga membeli makanan di dalam penerbangan itu. Pembelian barangan tidak dikenakan cukai perkhidmatan namun pembelian makanan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 20

Seorang penumpang membeli tiket penerbangan dari Malaysia Airline bagi penerbangan dari Pulau Pinang ke London dengan penerbangan

penyambungan di KLIA. Penumpang tersebut membeli makanan semasa penerbangan. Penyediaan makanan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia melibatkan penerbangan penyambungan di KLIA (domestik).

Penalti

26. Penalti yang dikenakan kepada penumpang oleh pembekal perkhidmatan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Untuk pembatalan tiket atau ketidakhadiran, syarikat penerbangan boleh memilih untuk membayar semula kepada pelanggan sebahagian pembayaran yang diterima untuk tiket. Sebahagian bayaran yang diambil oleh syarikat penerbangan dianggap sebagai penalti.

Contoh 21

Seorang penumpang didenda RM2,500 oleh MAL Berhad kerana merokok di dalam tandas pesawat semasa penerbangan dari KLIA ke Langkawi. Penalti (denda) tersebut tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Contoh 22

Seorang penumpang membeli tiket penerbangan domestik dari AA untuk laluan dari KLIA ke Langkawi. Walau bagaimanapun, penumpang tersebut gagal muncul. Penumpang menuntut bayaran balik penuh dari Air Asia. Air Asia hanya akan mengembalikan 80% dari harga tiket kepada penumpang. Baki 20% akan diambil oleh Air Asia sebagai penalti. Penalti 20% tersebut tidak tertakluk cukai perkhidmatan.

Penyewaan (Chartering)

27. Selain menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang secara pembelian tiket, syarikat penerbangan juga menyediakan perkhidmatan sewaan (*chartering*) sama ada *dry lease charter* atau *wet lease charter*.

28. Perkhidmatan sewaan *dry lease charter* adalah penyewaan pesawat tanpa kru. Penyewa akan menyediakan juruterbang dan anak kapal sendiri. Bergantung kepada kontrak, kebiasaan kos penyenggaraan dan kos operasi pesawat udara ditanggung oleh penyewa. Perkhidmatan sewaan *dry lease charter* ini tidak tertakluk kepada cukai

perkhidmatan.

29. Perkhidmatan sewaan *wet lease charter* adalah penyewaan pesawat bersama kru. Bergantung kepada kontrak, kebiasaan penyenggaraan dan penjagaan pesawat udara adalah di bawah tanggungan pemilik pesawat. Walau bagaimanapun, kos operasi adalah ditanggung oleh penyewa. Perkhidmatan sewaan *wet lease charter* bagi penerbangan membawa penumpang domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

30. Penyewaan pesawat mesti berkaitan dengan seluruh pesawat. Kedua-dua pihak juga mungkin bersetuju bahawa kontrak mereka (*charter party*) memperuntukkan sama ada pengambilan pesawat itu bersama kru atau tidak.

31. Sewaan atau pajakan pesawat udara bagi kegunaan membawa penumpang domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 23:

Syarikat Korek Oil Sdn Bhd (KOSB) telah membuat perjanjian kontrak bersama Syarikat Northstar Fly Sdn Bhd (SNSB) bagi membekalkan pesawat untuk membawa pekerja ke pelantar minyak. Berdasarkan kepada kontrak, SNSB akan membayar sewa bulanan secara tetap sebanyak RM5 juta setahun dan bayaran penerbangan berdasarkan kepada jam penerbangan sebanyak RM 11,000 per/jam. Cukai perkhidmatan akan dikenakan bagi bayaran pajakan tetap RM5 juta tersebut dan juga jumlah jam penerbangan yang dilakukan.

Perkhidmatan Lain Oleh Syarikat Penerbangan

32. **Pengangkutan kargo** - Syarikat penerbangan juga boleh menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo atau pengangkutan barang. Pengangkutan kargo domestik tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Layanan untuk perkhidmatan penghantaran kargo sila rujuk Panduan Perkhidmatan Logistik.

33. **Intragroup Shared Services** - Adalah perkara biasa bagi sebuah syarikat penerbangan mempunyai perkhidmatan berkongsi bersama seperti perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan perakaunan. Syarikat-syarikat penerbangan sangat

bergantung kepada perkhidmatan ini. Perkhidmatan antara kumpulan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah syarat-syarat berikut:

- (i) Perkhidmatan perkongsian hanya disediakan kepada syarikat dalam kumpulan; dan
- (ii) Syarikat induk memegang lebih daripada 50% saham syarikat dalam kumpulan.

34. Sekiranya syarikat dalam kumpulan menyediakan perkhidmatannya kepada syarikat-syarikat di luar kumpulan, semua perkhidmatan yang ditetapkan (*prescribed services*) yang dibekalkan oleh syarikat tersebut akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuk perkhidmatan perkongsian yang disediakan dalam kumpulan.

35. **Jet Persendirian** - Penyediaan jet persendirian (penerbangan tidak berjadual) untuk penerbangan domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan sampingan lain seperti makanan di dalam kapal, bagasi dan lain-lain juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sekiranya penyediaan perkhidmatan jet persendirian adalah termasuk perkhidmatan di darat (*ground handling*) seperti pengangkutan dari lapangan terbang ke hotel, perkhidmatan ini (*ground handling*) tidak dikenakan cukai perkhidmatan jika fi diperinci dalam invoice.

36. **Baucar** – Terdapat keadaan di mana syarikat penerbangan memberikan pampasan atau ganti rugi kepada pelanggan dalam bentuk baucar untuk kelewatan atau pembatalan penerbangan. Pemberian baucar oleh syarikat penerbangan adalah tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bergantung kepada pembekal perkhidmatan seperti hotel dan restoran, semasa penebusan baucar, cukai perkhidmatan mungkin dikenakan.

37. **Program Kesetiaan (*Loyalty Programme*)** - Kebanyakan operator penerbangan mempunyai program kesetiaan sendiri seperti Enriched, Malindo Miles, BIG Points dan lain-lain. Penumpang akan mengumpul mata dari program kesetiaan tersebut di mana mereka boleh menebus tiket penerbangan, memasuki lounge, penginapan, barangan dan lain-lain dengan menggunakan mata tersebut. Walau bagaimanapun, bergantung kepada pembekal perkhidmatan sewaktu penebusan mata, cukai perkhidmatan mungkin dikenakan.

38. **Perkhidmatan Percuma oleh syarikat penerbangan** - syarikat penerbangan boleh menawarkan perkhidmatan percuma seperti tiket percuma kepada pelanggannya. Pemberian perkhidmatan percuma adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Syarikat-syarikat penerbangan perlu mengakaun cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan percuma.

Pembekal Sama (Syarikat Penerbangan Asing Atau Tempatan)

39. Penyedia perkhidmatan penerbangan bagi laluan berikut adalah penerbangan domestik:

- (i) Dari tempat di dalam Malaysia ke titik keluar terakhir di Malaysia; atau
- (ii) Dari titik pertama masuk Malaysia ke tempat lain di dalam Malaysia.

40. Walau bagaimanapun jika penerbangan di atas adalah sebahagian daripada penerbangan antarabangsa di mana pelanggan hanya membeli satu tiket untuk keseluruhan laluan, maka penyediaan penerbangan bagi laluan domestik tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 24

Pelanggan hanya membeli satu tiket dari Emirates Airline bagi laluan dari Dubai ke Pulau Pinang dengan penerbangan penyambungan di KLIA. Emirates Airline hanya akan menyediakan penerbangan dari Dubai ke KLIA manakala penerbangan domestik akan disediakan oleh pengendali syarikat penerbangan tempatan. Laluan domestik tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana dianggap sebagai dibekalkan oleh syarikat penerbangan asing yang sama.

Contoh 25

Seorang pelanggan membeli tiket penerbangan dari Malaysia Airline bagi laluan dari Paris ke KLIA dan satu tiket lain bagi laluan dari KLIA ke Kota Kinabalu. Penyediaan pengangkutan penerbangan penumpang dari Paris ke KLIA tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana ia merupakan penerbangan antarabangsa manakala penerbangan dari KLIA ke Kota Kinabalu akan dikenakan cukai perkhidmatan kerana ia adalah

penerbangan domestik walaupun ia dibekalkan oleh pembekal yang sama.

Perkhidmatan Yang Berkaitan Dengan Penerbangan Domestik

41. Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) adalah caj yang dikenakan oleh Pengendali Lapangan Terbang. PSC adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun PSC dikenakan berhubung dengan penerbangan domestik. Fi MAVCOM yang dikenakan oleh MAVCOM kepada syarikat penerbangan juga tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

42. Untuk membolehkan syarikat penerbangan beroperasi, mereka memajak pesawat dari syarikat penerbangan lain. Pemajakan kapal terbang oleh syarikat penerbangan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

43. Pembekal perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar dibawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan.

44. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan inuis dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

45. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan

SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. S : Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?**

J : Orang kena cukai yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai dan mempunyai perolehan melebihi nilai ambang RM500,000 perlu memohon pendaftaran secara dalam talian dengan mengemukakan borang SST-01 kepada sistem MySST.

- 2. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?**

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membuat bayaran melalui elektronik (MySST) dan pos ke Pusat Pemrosesan SST di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran sama ada cek atau draf bank. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Penyata dan Bayaran.

- 3. S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan inouis?**

J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan inouis ke atas semua transaksi yang dibuat. Orang berdaftar boleh mengemukakan permohonan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah untuk menggunakan lain-lain dokumen bagi tujuan menggantikan inouis. Sila rujuk Panduan Umum bagi keterangan lanjut.

- 4. S : Adakah penerbangan antarabangsa yang melibatkan perkongsian kod tertakluk kepada cukai perkhidmatan? Sebagai contoh, tiket yang dibeli dari Emirates Airline untuk laluan Dubai ke Pulau Pinang. Emirates Airline hanya menyediakan penerbangan dari Dubai ke KLIA. Penerbangan seterusnya dari KLIA ke Pulau Pinang akan dibekalkan oleh syarikat penerbangan domestik seperti Malaysia Airlines Berhad.**

J : Tidak, penerbangan antarabangsa yang melibatkan perkongsian

kod tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Ia dianggap sebagai penerbangan antarabangsa walaupun melibatkan laluan domestik. Penerbangan ini dianggap dibekalkan untuk laluan antarabangsa berdasarkan perkongsian kod, nombor tempahan dan tiket yang dibeli. Layanan yang sama terpakai jika tiket dibeli dari Malaysia Airlines Berhad untuk laluan yang dinyatakan di atas.

5. S : Apakah layanan cukai bagi penerbangan domestik yang berkaitan dengan penumpang menggunakan helikopter?

J : Penerbangan domestik untuk penumpang yang menggunakan helikopter adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. S : Apakah layanan cukai untuk perkhidmatan penumpang udara untuk tujuan santai (leisure)?

J : Penyediaan perkhidmatan penumpang udara (domestik sahaja) untuk tujuan santai (leisure) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

7. S : Apakah layanan cukai bagi penyediaan jet persendirian (penerbangan tidak berjadual) untuk penerbangan domestik?

J : Ya, penyediaan jet persendirian (penerbangan tidak berjadual) untuk penerbangan domestik tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. S : Syarikat penerbangan membuat bayaran balik kepada pelanggan kerana ketidakhadiran bagi penerbangan domestik. Amaun bayaran balik itu adalah termasuk cukai perkhidmatan di mana syarikat penerbangan itu telah mengisytiharkan dan membayar kepada JKDM. Adakah syarikat penerbangan layak mendapat bayaran balik daripada JKDM?

J : Syarikat penerbangan layak mendapatkan bayaran balik dari JKDM (perlu memohon dari JKDM) dengan syarat syarikat penerbangan itu dapat membuktikan bahawa jumlah yang dituntut akan dikembalikan kepada pelanggan. Syarikat penerbangan

menggunakan mekanisme kontra di SST-02 untuk pembayaran balik.

9. S : Seorang penumpang membeli tiket penerbangan domestik dari KLIA ke Kota Kinabalu. Penumpang tersebut membawa bersama haiwan peliharaan yang diletakkan sebagai kargo. Adakah yuran yang dikenakan oleh syarikat penerbangan untuk haiwan peliharaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Haiwan peliharaan yang dibawa sebagai kargo adalah tidak dikenakan cukai perkhidmatan tanpa mengira penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa kerana ia dianggap sebagai pengangkutan barang.

10. S : Adakah tiket penerbangan yang dibeli oleh Kerajaan Malaysia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Tiada pengecualian diberikan kepada kerajaan atas pembelian tiket penerbangan domestik.

11. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas tiket penerbangan domestik yang dibeli sebelum 1 September 2018 bagi penerbangan yang dijadualkan pada atau selepas 1 September 2018?

J : Tiket penerbangan domestik tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%. Walau bagaimanapun, tiket penerbangan domestik tersebut diberi pengecualian daripada cukai perkhidmatan di bawah Kuasa Menteri (Seksyen 34(3)(a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018).

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Tingkat 5 dan 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Para	Keterangan
Para 10	Mengeluarkan perkataan “Kadar cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 6%.”
Para 11	Memasukkan perkataan “Sewaan atau pajakan pesawat udara bagi kegunaan membawa penumpang domestik juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan”
Para 16	Mengeluarkan perkataan “sebanyak 6%”
Para 24	Memasukkan (x) pajakan pesawat udara yang berkaitan dengan penerbangan domestik
Para 27	Mengeluarkan perkataan “Bagaimanapun hanya <i>wet charter</i> yang dikenakan cukai perkhidmatan. <i>Dry charter</i> adalah apabila penyewaan pesawat tanpa kru manakala <i>wet charter</i> adalah apabila penyewaan pesawat dengan kru”
Para 28	Menggantikan para berikutnya “Perkhidmatan sewaan <i>dry lease charter</i> adalah penyewaan pesawat tanpa kru. Penyewa akan menyediakan juruterbang dan anak kapal sendiri. Bergantung kepada kontrak, kebiasaannya kos penyenggaraan dan kos operasi pesawat udara ditanggung oleh penyewa. Perkhidmatan sewaan <i>dry lease charter</i> ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan”
Para 29	Menggantikan para berikutnya “Perkhidmatan sewaan <i>wet lease charter</i> adalah penyewaan pesawat bersama kru. Bergantung kepada kontrak, kebiasaan penyenggaraan dan penjagaan pesawat udara adalah di bawah tanggungan pemilik pesawat. Walau bagaimanapun, kos operasi adalah ditanggung oleh penyewa. Perkhidmatan sewaan <i>Wet Charter</i> bagi penerbangan membawa

	penumpang domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan”.
Para 31	<p>Memasukkan “Pajakan pesawat udara bagi kegunaan membawa penumpang domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan</p> <p>Contoh 23:</p> <p><i>Syarikat Korek Oil Sdn Bhd (KOSB) telah membuat perjanjian kontrak bersama Syarikat Northstar Fly Sdn Bhd (SNSB) bagi membekalkan pesawat untuk membawa pekerja ke pelantar minyak. Berdasarkan kepada kontrak, SNSB akan membayar sewa bulanan / pajakan secara tetap sebanyak RM5 juta setahun dan bayaran penerbangan berdasarkan kepada jam penerbangan sebanyak RM 11,000 per/jam. Cukai perkhidmatan akan dikenakan bagi bayaran pajakan tetap Rm5 juta tersebut dan juga jumlah jam penerbangan yang dilakukan”</i></p>
Para 32	<p>Mengeluarkan perkataan “tidak” kepada “tertakluk kepada cukai perkhidmatan sama ada penerbangan domestik atau antarabangsa”</p> <p>Menggantikan perkataan “kurier kepada logistik”</p>